PENDAHULUAN

Manusia bekerja dan berusaha keras siang dan malam untuk mencari kesenangan dan keselesaaan hidup.

Menjadi lumrah manusia mendambakan kehidupan yang serba mewah.

Rata-ratanya masyarakat terpaksa berhutang atau membuat pinjaman kewangan untuk menikmati taraf hidup yang lebih selesa.

Seseorang boleh berhutang tetapi jumlah hutang tersebut mestilah berkadaran dengan jumlah pendapatan individu tersebut.

PANDANGAN ISLAM MENGENAI AMALAN BERHUTANG

Islam tidak menggalakkan umatnya berhutang atau membuat pinjaman kewangan bagi tujuan berlebih-lebihan.

Amalan berhutang juga akan memberi kemudaratan kepada diri dan ahli keluarga.

Umat Islam perlu menjalani kehidupan secara wasatiyyah dan mengutamakan sikap qana'ah.

Dosa orang yang tidak menjelaskan hutangnya begitu berat lebih-lebih lagi dalam situasi sekiranya hutangnya itu dilipat gandakan dengan riba.

Individu yang berhutang akan diselubungi keresahan dan tekanan perasaan.

KONSEP PINJAMAN DALAM ISLAM

Al-'ariyah	Al-qard
Pemberian satu barangan oleh pemberi pinjam kepada peminjam.	Pemindahan pemilikan barangan yang boleh dianggarkan dan diganti mengikut bilangan atau timbangan.

KONSEP PINJAMAN DALAM ISLAM (cont)

Hak pemilikan barang tersebut kekal pada pemberi pinjaman	Orang Arab menyebut salaf iaitu pinjaman yang dibayar balik kepada pemiutang tanpa syarat keuntungan
Peminjam tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan kecuali berpunca daripada peminjam sendiri.	Kesan transaksi menyebabkan wujudnya keberh-utangan daripada pihak penghutang kepada pemiutang.
Hanya melibatkan barangan yang tidak musnah dan boleh dikembalikan dalam keadaan asal.	Peminjam hendaklah memulangkan kembali barang yang dipinjam dalam bentuk gantian (bukan benda yang asal).

DEFINISI AL-QARD

Bahasa: al-qat'u (potong)

Istilah: penyerahan suatu barang dengan syarat barang tersebut sama nilai tanpa sebarang tambahan apabila dipulangkan.

Dikategorikan sebagai akad tabarru'(ko-ntrak ramai).

Kontrak yang berkonsepkan kebajikan

Faedah transaksi hanya diperolehi penghu-tang.

LARANGAN RIBA

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

Terjemahan: Padahal Allah telah mengha-lalkan berjual-beli (berniaga) dan mengha-ramkan riba. (Surah Al-Baqarah:275)

Rasulullah melaknat orang yang memakan riba, menjadi agen, mencatat transaksi dan menjadi saksi.

Melakukan riba merupakan dosa besar di sisi Allah SWT.

FATWA PENGHARAMAN RIBA

Faedah yang dikenakan dalam semua bentuk pinjaman (hutang) adalah riba dan diharamkan oleh hukum syara'.

PRINSIP AL-QARD AL-HASSAN

Al-qard al-hasan bermaksud pinjaman yang baik.

Peminjam hanya perlu membayar jumlah wang yang dipinjam sahaja tanpa dikenakan faedah.

HUKUM AL-QARD AL-HASSAN

Hukum pelaksanaan qard hasan adalah sunat.

Harus bagi seseorang untuk berhutang bagi tujuan membebaskan dirinya daripada kesempitan hidup.

Tidak harus memberikan pinjaman sekiranya untuk tujuan haram atau maksiat.

RUKUN AL-QARD

1. Pemiutang (orang yang memberi pinjaman)
2. Penghutang/peminjam
3. Barang yang dipinjam
4. Sighah (Lafaz ijab dan qabul)

By **Suhana Hamzah**
cheatography.com/suhana-hamzah/

Published 26th June, 2020.
Last updated 26th June, 2020.

Sponsored by **Readable.com**
Measure your website readability!
https://readable.com

OBJEKTIF PELAKSANAAN AL-QARD AL-HASAN

1. Membantu golongan yang memerlukan.
2. Merapatkan jurang perbezaan antara golongan yang kaya.
3. Mengukuhkan sektor sosio ekonomi negara.
4. Menghapuskan diskriminasi sosial dan ekonomi dalam masyarakat.
5. Mendapatkan keberkatan dan ganjaran berterusan di dunia dan akhirat.

AL-QARD AL-HASAN PENJANA SOSIO EKONOMI UMMAH

Skim pmbiayaan secara mikrokredit

> Membantu meningkatkan taraf hidup dan memajukan sektor ekonomi.

Skim pajak gadai Islam atau al-rahnu

> Transaksi pemberian kemudahan pinjaman wang kepada pemegang gadaian sebagai cagaran terhadap pinjaman yang dibuat.

Skim pinjaman kewangan & pembiayaan untuk menunaikan haji atau umrah

> Seseorang dibenarkan berhutang bagi tujuan menunaikan rukun islam yang kelima sekiranya dia yakin mampu membayar balik pinjaman tersebut.

PRINSIP-PRINSIP UMUM KETIKA BERHUTANG

i) Setiap hutang yang dibuat hendaklah ditulis.

ii) Tidak boleh mengenakan sebarang bayaran tambahan terhadap pinjaman yang diberikan.

iii) Kepentingan menyelesaikan semua hutang disyaratkan dalam perwarisan.

iv) Hak individu tertentu yang wajib dipulangkan dalam tempoh tertentu.

BANTUAN KEPADA ASNAF AL-GHARIMIN

PERANAN INSTITUSI ZAKAT

Meringankan beban yang dihadapi oleh golongan yang dibelenggu hutang atau asnaf al-gharimin

Mewujudkan keseimbangan dalam aspek sosial dan ekonomi masyarakat iaitu golongan yang berkemampuan mengeluarkan zakat bagi membantu golongan yang kurang bernasib baik.

Bantuan tidak diberikan kepada mereka yang berhutang dengan institusi kewangan kerana mereka berkemampuan untuk membayar balik pinjaman.

GEJALA CETI HARAM

Perniagaan pemberian pinjaman wang tanpa lesen yang sah atau telah tamat atau lesen digantung.

Kegiatan yang bertentangan dengan ajaran Islam kerana mengandungi unsur riba.

Peminjam berdepan dengan keganasan dan ugutan sekiranya gagal membuat bayaran balik pinjaman.

Bagi menghentikan gejala ini, kerajaan mengambil tindakan memberhentikan pemberian lesen kepada peminjam wang berlesen, kempen kesedaran dan khidmat nasihat.

KESIMPULAN

Islam telah menyediakan hamparan kehidupan yang syumul dalam aspek pengurusan kewangan.

Islam mengharuskan umatnya berhutang tetapi tidak digalakkan kecuali dalam keadaan terdesak.

Umat Islam dianjurkan untuk hidup secara bersederhana.

Islam telah mensyariatkan instrumen pinjaman wang yang tidak membebankan seperti al-qard al-hasan.

Sponsored by **Readable.com**
Measure your website readability!
https://readable.com